

SULIT

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 9 TAHUN 2019

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)
MASA : 11.30 PAGI
**TEMPAT : BILIK MAHUA 1, HOTEL LE MERIDIEN
KOTA KINABALU**

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|----------------------------|
| 1. | Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, <i>S.I.S.P.P.T.</i> | - | Pengerusi
Yang Dipertua |
| 2. | Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.A.M.S.P.J.K.</i>
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Hamzah bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 7. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Teh Eng Teck | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 17. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 19. | Encik Baharudin bin Misran, <i>PJK</i> | - | Ahli Majlis |
| 20. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |

SULIT

- | | | | |
|-----|------------------------------------|---|-------------|
| 24. | Encik Yunis Khalis bin Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, A.I.S. | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 1. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>PPT</i> | - | Penolong Setiausaha MDKL |
| 2. | Tuan Haji Arpaali bin Haji Sanat, <i>AMS,PPT,PKT-</i> | - | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan |
| 3. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>PPT</i> | - | Pengarah Jabatan Kejuruteraan |
| 4. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>PUK</i> | - | Pengarah Jabatan Perbendaharaan |
| 5. | Tuan Haji Zailani bin Hashim <i>PPT,PKT</i> | - | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan |
| 6. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>PPT</i> | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 7. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat |
| 8. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan Landskap |
| 9. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran |
| 10. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |
| 11. | Encik Shahrulnizam bin Khalil | - | Wakil Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 12. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>PUK</i> | - | Ketua Unit Perundungan |
| 13. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit Pusat Setempat |
| 14. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 15. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd, <i>PPT</i> - Ramli | - | Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam |
| 16. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad - Jasni | - | Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 17. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 18. | Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, <i>PUK</i> | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |

SULIT

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|-------------------------------------|---|-------------------------------------|
| 1. | Encik Abdul Mutualib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 2. | Encik Mohd Hazizi bin Hamdan | - | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat |
| 3. | Puan Nor Zilawati binti Sulaiman | - | Pembantu Tadbir N22 |
| 4. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 5. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 6. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran | - | Pembantu Operasi |

SULIT

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<u>BACAAN DOA</u>		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh ahli mesyuarat yang beragama Islam.		
2.0	<u>UCAPAN TUAN PENGERUSI</u>		
	Tuan Pengurus memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut :		
	2.1	Beliau mengucapkan terima kasih kepada Tuan Timbalan Yang Dipertua dan Ahli Majlis yang telah mempengurusikan mesyuarat jawatankuasa sepanjang bulan September ini.	Makluman
	2.2	<p>Beliau mendapat banyak ucapan tahniah diatas kejayaan penganjuran Pesta Morib dan sambutan daripada orang ramai yang sangat membanggakan. Ini adalah kerana Pesta Morib telah mengimbau nostalgia kerana telah lama tidak dianjurkan. Pihak Majlis juga telah melakukan promosi yang berterusan dan telah memberi impak yang baik dalam menarik pengunjung ke Pesta Morib.</p> <p>Namun beliau memaklumkan pihak Majlis akan melihat semula program-program yang sesuai diadakan di Pantai Morib kerana penggunaannya telah mencapai tahap maksimum. Selain itu, pihak Majlis telah bersetuju untuk mengelakkan program/aktiviti berbentuk pasar malam kerana Pantai Morib diwartakan sebagai kawasan rekreasi.</p> <p>Pihak Majlis akan menaik taraf Pantai Kelanang pada tahun hadapan melalui peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melibatkan kerja-kerja turapan semula jalan dan pembinaan kiosk. Di samping itu, pihak Majlis akan mempromosikan Pantai Kelanang dan Pantai Batu Laut sebagai lokasi pelancongan selain Pantai Morib.</p>	Makluman

SULIT

3.0	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT YANG LALU</u>	
	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 8 TAHUN 2019 PADA 27 OGOS 2019	
	Minit mesyuarat ini telah dicadang untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Rosdi bin Meor Endut tanpa sebarang pindaan.	
4.0	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>	
	- TIADA -	
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :	
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 10 SEPTEMBER 2019.
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :
	5.1.1	<p>Perkara 3.1.1 Laporan Penyelenggaraan Kemudahan Riadah dan Naiktaraf Kawasan Lanskap.</p> <p>Encik Gan Yee Chin memohon supaya padang di Jalan Suria, Bandar Mahkota dapat dinaik taraf kerana telah berlubang dan mendap.</p> <p>Encik Ang Eu Liang menyatakan banyak padang permainan di taman perumahan menghadapi masalah ini selepas lima (5) tahun diserahkan oleh pemaju kepada pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan pemantauan akan dibuat ketika lawatan untuk kelulusan CCC dan selepas penyerahan balik wang cagaran. Proses menaik taraf akan dilaksanakan sama ada menggunakan peruntukan MDKL, Caj Pemajuan atau melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat. Pada tahun 2019 ini, beberapa padang telah dinaik taraf dan pihak Jabatan telah mengenal pasti beberapa padang dan kemudahan riadah yang akan dinaik taraf.</i></p>
		Makluman

		<p>Encik Wong Kim Loon mencadangkan pihak Majlis memohon peruntukan daripada KPKT atau YB. Ahli Parlimen.</p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan masalah padang mendap ini berlaku kerana pemaju membuang sisa binaan di kawasan lapang sebagai bahan untuk menambak tapak yang akan dijadikan padang di taman perumahan baharu.</p> <p>Pengarah JPP memaklumkan terdapat rumah kongsi pekerja pembinaan yang dibina di tanah lapang dan meminta perkara ini dilihat semula.</p> <p>Pengarah JK menyatakan pembuangan sisa binaan di kawasan lapang adalah tidak dibenarkan. Beliau mengambil contoh kerja-kerja menurap semula jalan di Taman Langat Murni dimana terdapat batang-batang kelapa sawit ditemui apabila korekan jalan dilaksanakan. Susulan itu, pihak Jabatan telah mengeluarkan notis kepada pemaju dan konsultan untuk memberikan jawapan.</p>	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 10 SEPTEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	5.2.1	<p>Perkara 5.3.1 (Hal-hal Lain)</p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan Taman Merpati, Olak Lembit kerap mengalami banjir kerana air tidak mengalir keluar ke longkang JPS. Beliau ingin tahu status cadangan untuk membina 'crossing culvert' di Jalan Gate untuk mengatasi masalah ini.</p> <p>Pengarah JK memaklumkan telah mendapat kelulusan daripada pihak JKR dan kerja-kerja tersebut dijangka akan dilaksanakan pada tahun ini.</p>	Makluman
	5.2.2	<p>Pengarah JK memaklumkan pihak Majlis telah mendapat kelulusan peruntukan daripada KPKT untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menempatkan pusat pengumpulan hasil laut dan penyediaan lampu di Pantai Kelanang. 2. Kerja-kerja menukar lampu jalan sedia ada kepada lampu LED melibatkan Jalan Sultan Abdul Samad, 	Makluman

SULIT

		<p>Jalan Sultan Alam Shah dan Jalan Bunga Pekan 1 hingga 5.</p> <p>3. Kerja-kerja menukar lampu jalan sedia ada kepada lampu LED di semua kawasan perindustrian dalam daerah Kuala Langat.</p> <p>Pihak Jabatan amat menghargai usaha-usaha yang dilakukan oleh semua pihak dalam mendapatkan kelulusan peruntukan ini.</p>	
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 11 SEPTEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	5.3.1	<p>Encik Yunis Khalis memaklumkan sebelum ini beliau ada membuat aduan mengenai peniaga warga asing yang mendirikan khemah di tepi jalan di sepanjang laluan dari Sungai Lang hingga Sungai Kelambu dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini Bilangan 6 Tahun 2019. Dalam mesyuarat tersebut, Tuan Pengurus telah meminta JPP menghantar surat rasmi kepada PTD Kuala Langat.</p> <p>Oleh yang demikian, pihak PTD Kuala Langat telah menghantar notis kepada semua peniaga atas kesalahan pencerobohan tanah. Namun Encik Yunis Khalis melahirkan rasa kecewa kerana kakitangan PTD Kuala Langat yang menampal notis tersebut telah menyebut nama beliau sebagai pengadu. Oleh itu, satu laporan Polis telah dibuat dan beliau memohon pihak Majlis menyiasat perkara ini.</p> <p><i>Pihak Majlis akan menyemak semula perkara ini dengan PTD Kuala Langat dan berbincang mengenai tindakan yang akan diambil selepas tamat tempoh notis tersebut.</i></p>	JPK
	5.3.2	Encik Baharudin bin Misran memaklumkan ada membangkitkan mengenai gerai-gerai di Batu Laut yang mempunyai bekalan elektrik tetapi tidak mempunyai bekalan air dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Kuala Langat baru-baru ini. Pihak JKR juga mengambil maklum perkara ini dan menyatakan pihak JKR tidak akan memberi kebenaran/sokongan bagi tujuan bekalan air kepada gerai-gerai ini.	Makluman

	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 11 SEPTEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	5.4.1	<p>Tuan Pengurus memaklumkan pihak Majlis telah menyediakan satu kertas mesyuarat mengenai Kilang Leoch Accupower untuk dibentangkan dalam Mesyuarat MTES. Namun, pihak Kerajaan Negeri telah meminta pihak Majlis menambahbaik kertas mesyuarat tersebut. Dalam kertas mesyuarat tersebut, pihak Majlis telah mengesyorkan supaya kilang tidak dibenarkan beroperasi semula di kawasan tersebut atas sebab polemik kesihatan yang timbul.</p> <p>Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memberikan laporan yang berbeza iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. JKNS – semakan yang dibuat mendapati tiada penduduk yang mendapat keracunan Plumbum yang tinggi. 2. JAS – tanah tapak kilang mempunyai kadar pencemaran Plumbum yang tinggi. <p>Tuan Pengurus mengharapkan penglibatan kedua-dua pihak ini ketika pembentangan kertas mesyuarat dalam Mesyuarat MTES tersebut.</p> <p><i>Encik Rosdi bin Meor Endut memaklumkan sekiranya sesuatu kawasan mempunyai tahap 'lead' yang tinggi, tiada kediaman/kilang dibenarkan dibina/berada di situ.</i></p>	Makluman

	<p>5.4.2 Encik Ang Eu Liang melahirkan rasa kecewa terhadap Jabatan Alam Sekitar yang tidak profesional dalam melaksanakan kerja. Baru-baru ini, beliau ada menghantar video Youtube kepada JPK mengenai pihak Astro yang mengeluarkan berita berkaitan isu kilang plastik. Beliau menyatakan berita-berita tersebut adalah tidak benar dan sehingga kini JAS tidak memantau kilang-kilang plastik yang berlesen. Baru-baru ini terdapat aduan yang menyatakan kilang plastik yang berlesen di Kampung Baru Jenjarom ada mengeluarkan bau.</p> <p><i>Tuan Pengurus menyatakan pihak Majlis hanya mengeluarkan lesen premis sahaja dan operasi kilang plastik ini sepatutnya dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar.</i></p> <p><i>Encik Lim Tou Yih menyatakan pihak JAS mempunyai masalah kekurangan sumber manusia menyebabkan aktiviti pemantauan kurang dilakukan. JAS menyatakan pihak Majlis perlu memantau kilang-kilang ini kerana lesen premis dikeluarkan oleh pihak Majlis.</i></p> <p><i>Encik R. Haridass menyatakan JAS tidak boleh menjadikan isu kekurangan sumber manusia sebagai alasan untuk tidak menjalankan pemantauan. Perkara-perkara melibatkan isu alam sekitar seperti ini akan menjadi sasaran Persatuan Pencinta Alam Sekitar.</i></p> <p><i>Encik Teh Eng Teck membangkitkan mengenai pencemaran bau daripada sungai dimana JAS menyatakan tiada masalah pada air sungai tersebut. JAS perlu memainkan peranan untuk mencari punca bau tersebut kerana ia menjadi kebimbangan penduduk berhampiran.</i></p> <p><i>Tuan Pengurus memaklumkan pihak Majlis dengan kerjasama UiTM dan UPM akan mengaturkan satu pertemuan dengan penduduk-penduduk berkenaan dalam masa terdekat.</i></p>	Makluman
	<p>5.4.3 Perkara 5.5.3 Permohonan Mengadakan Pesta Deepavali 2019 Di Tapak Pasar Lama Banting.</p> <p>Encik R. Haridass memohon pertimbangan dan kelulusan mesyuarat memandangkan permohonan ini telah mendapat kelulusan awal bagi penggunaan tapak pasar lama Banting daripada Syarikat Ehsan Istimewa.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan ini.</p>	Makluman

	5.4.4	<p>Perkara 5.5.6 Permohonan Mengadakan Lokal Fest Pantai Morib Di Dataran Pantai Morib.</p> <p>Encik R. Haridass memaklumkan Pejabat YB Ahli Parlimen Kuala Langat tidak mempunyai perancangan untuk mengadakan program pada 22 Disember 2019 hingga 1 Januari 2020 di Dataran Pantai Morib. Oleh itu, beliau memohon pertimbangan mesyuarat untuk meluluskan permohonan Ahli Majlis MPP Zon 18 ini.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan ini.</p>	Makluman
	5.4.5	<p>Encik Mat Irwan bin Ismail memaklumkan Program Pematuhan dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor telah diadakan pada 24 September 2019 di Dewan Hamzah, Klang. Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis menentukan hala tuju pelaksanaan program ini di daerah Kuala Langat dalam aspek penguatkuasaan dan peningkatan hasil. Beliau berharap ia dapat dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan atau Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan.</p>	Makluman
	5.4.6	<p>Encik Lim Tou Yih memaklumkan mengenai pelaburan 'Modern Pig Farming' bernilai RM 200 juta di Tumbok, Tanjung Sepat. Penduduk di kawasan tersebut kerap mengadu mengenai pencemaran bau daripada penternakan khinzir yang sedia ada. Oleh itu, beliau berharap permohonan yang dikemukakan oleh pelabur ini dapat dipermudahkan oleh pihak Majlis.</p> <p><i>Encik Wong Kim Loon memaklumkan pihak Majlis telah mengubah Rancangan Tempatan kawasan tersebut daripada pertanian kepada perumahan. Pihak Majlis tidak menolak sebarang pelaburan yang masuk ke daerah Kuala Langat tetapi perlu sesuai dengan Rancangan Tempatan yang telah diluluskan.</i></p> <p><i>Pengarah JPP memaklumkan pihak Majlis telah mengenal pasti kawasan seluas 500 ekar untuk 'Modern Pig Farming' ini berdasarkan perbincangan dengan Kerajaan Negeri. Sekiranya terdapat cadangan pelaburan ini di daerah Kuala Langat, pelabur perlu berbincang dengan Kerajaan Negeri dan lokasi cadangan pelaburan perlu selari dengan Rancangan Tempatan.</i></p>	Makluman

	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 12 SEPTEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	5.5.1	<p>Perkara 5.5.1 (Hal-hal Lain)</p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan penanaman tanaman kontan oleh penduduk telah menyebabkan pili bomba tidak dapat dilihat. Selain itu, tanaman kontan ini menjadi punca pergaduhan sesama jiran kerana telah melebihi had sempadan jiran bersebelahan.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan Unit PRO akan membuat hebahan untuk mendidik masyarakat tentang isu tanaman kontan ini. Pihak Jabatan juga melakukan tindakan penguatkuasaan dan pelbagai kaedah alternatif disediakan untuk penduduk bercucuk tanam di dalam kawasan perumahan seperti 'Program Kebun Saya'.</i></p>	Makluman
	5.5.2	<p>Encik Lim Tou Yih memaklumkan terdapat pihak yang berminat untuk membangunkan sektor pelancongan di Bukit Jugra dan ingin tahu sekiranya terdapat tapak yang sesuai di situ.</p> <p><i>Tuan Pengurus memaklumkan tanah di kawasan tersebut merupakan hak milik individu dan berstatus tanah pertanian.</i></p>	Makluman
	5.5.3	<p>Encik R. Haridass memohon pertimbangan pihak Majlis supaya tidak menutup Dewan Orang Ramai Banting kerana menjadi lokasi orang awam bermain badminton.</p> <p><i>Tuan Pengurus memaklumkan dewan tersebut ditutup untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja bagi tujuan penyimpanan barang-barang sitaan cukai taksir. Orang awam boleh menggunakan dewan-dewan MDKL yang lain untuk bersukan.</i></p> <p><i>Wakil Pengarah JPPH menyatakan notis pemberitahuan telah dipaparkan di dewan dan telah dimaklumkan kepada penyewa. Pihak Jabatan telah mencadangkan beberapa dewan yang boleh disewa bagi tujuan bersukan pada hari Isnin hingga Khamis. Manakala hari Jumaat hingga Ahad dikhaskan untuk program keraian.</i></p>	Makluman

	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 12 SEPTEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	5.6.1	<p>Perkara 5.8.1 (Hal-hal Lain)</p> <p>Puan Nor Aishah binti Abdul Majid memohon JPSPKP membuat tangkapan anjing liar di Taman Damai kerana terdapat jemaah surau yang dikejar anjing ketika pulang dari surau dan menimbulkan rasa tidak selesa kepada penduduk.</p>	JPSPKP
	5.6.2	<p>Encik E. Munusamy membangkitkan mengenai pengurusan tapak perkuburan bukan Islam.</p> <p><i>Tuan Pengurus memaklumkan pihak Majlis tidak menguruskan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam. Baru-baru ini pihak Majlis ada menerima peruntukan daripada Tabung Caruman Kubur Negeri Selangor untuk menyediakan tapak perkuburan sahaja. Manakala pengurusan tapak perkuburan untuk pengebumian dan pembakaran mayat akan diuruskan oleh syarikat yang akan dilantik.</i></p> <p><i>Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan memaklumkan sedang menyediakan dokumen berkaitan perkara ini melibatkan perbincangan dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat dan beberapa Ahli Majlis berbangsa India. Proses pengeluaran tender akan dibuat selepas semua maklumat yang diperlukan telah diperolehi.</i></p>	Makluman
	5.6.3	<p>Encik Baharudin bin Misran membangkitkan mengenai keadaan longkang yang berbau di Medan Selera Seri Pekan akibat kebocoran daripada tangki septik taman perumahan yang berhampiran. Beliau berharap perkara ini dapat dimaklumkan kepada IWK dan pihak Majlis perlu melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah bau tersebut.</p> <p><i>Pengarah JK memaklumkan perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam. Satu jawatankuasa melibatkan IWK, JPS dan MDKL akan ditubuhkan untuk membincangkan mengenai kaedah kawalan kualiti air dan effluent pelepasan air.</i></p>	Makluman

		<p>Encik Lim Tou Yih memaklumkan beberapa taman perumahan lama seperti Taman Setia Jaya mempunyai masalah yang sama dan penduduk yang terlibat tidak mahu membaiki tangki septik yang bocor. Oleh itu, beliau mencadangkan satu sistem penapisan dipasang mengelakkan air tersebut mengalir ke longkang utama.</p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua menyatakan penduduk perlu mempunyai kesedaran untuk membaiki dan menyelenggara sistem kumbahan masing-masing.</p> <p>Encik Rosdi bin Meor Endut memaklumkan kebanyakannya penduduk di taman perumahan lama telah menutup longkang dengan 'slab' menyebabkan pembiakan tikus di dalam longkang. Perkara ini perlu diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.</p> <p>Pengarah JPP memaklumkan terdapat taman perumahan lama menggunakan kaedah 'communal septic tank'.</p> <p>Encik Wong Kim Loon memaklumkan isu ini pernah berlaku di Tanjung Sepat dan pihak IWK telah mengambil tindakan pembaikan melalui permohonan peruntukan kepada pihak SPAN. Oleh itu, beliau mencadangkan perkara ini dipanjangkan kepada pihak SPAN untuk tindakan selanjutnya.</p>	
	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2019 PADA 12 SEPTEMBER 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	5.7.1	<p>Perkara 4.3 Cadangan Lantikan Terus Syarikat Chearaan Systems Sdn. Bhd. Untuk Sistem Aplikasi Kutipan Tempat Letak Kereta Di Kawasan Pentadbiran MDKL.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Encik Gan Yee Chin ingin tahu mengenai kutipan kompaun sama ada terdapat pembahagian kutipan seperti perjanjian MDKL dengan Syarikat Godell sebelum ini. <p><i>Pengarah JP memaklumkan pihak Majlis akan memperoleh kesemua jumlah kutipan kompaun dan Syarikat Chearaan tidak terlibat dalam perkara ini.</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Encik Gan Yee Chin ingin tahu kos yang akan ditanggung oleh pihak Majlis selepas tamat tempoh 	Makluman

	<p>tanggungan pada tiga (3) bulan pertama oleh pihak syarikat.</p> <p><i>Ketua BTM memaklumkan pada masa ini pihak Syarikat tidak membincangkan mengenai kos yang akan ditanggung oleh pihak Majlis selepas tamat tempoh tersebut. Namun, pihak Majlis perlu bersedia untuk menyediakan sebuah 'server' bagi menyimpan gambar-gambar yang dirakam oleh CCTV yang dipasang di petak parkir.</i></p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan satu perbincangan lanjut bersama pihak Syarikat akan dibuat dalam masa terdekat.</i></p>	
5.7.2	<p>Encik Wong Kim Loon memohon pertimbangan pihak Majlis untuk meluluskan pembayaran elaun mesyuarat kepada Ahli Majlis bagi Mesyuarat Bangunan Baharu MDKL dan Mesyuarat Jawatankuasa Orang Kelainan Upaya.</p> <p><i>Encik Mat Irwan dan Puan Nor Aishah bersetuju dengan cadangan tersebut dan berharap pihak Majlis dapat mempertimbangkan permohonan ini.</i></p> <p><i>Penolong Setiausaha memaklumkan pembayaran elaun kehadiran mesyuarat adalah untuk mesyuarat jawatankuasa tetap sahaja. Mesyuarat Jawatankuasa selain daripada itu tidak tertakluk kepada pembayaran elaun mesyuarat.</i></p>	Makluman
5.7.3	<p>Encik Baharudin bin Misran memohon supaya Ahli Majlis diberikan pelekat khas kenderaan yang bersaiz besar supaya mudah dilihat oleh anggota penguatkuasa. Ini adalah kerana beliau telah beberapa kali dikenakan kompaun tempat letak kereta.</p> <p><i>Pengarah JPK memaklumkan Ahli Majlis telah diberikan pelekat khas untuk ditampal di kenderaan masing-masing. Pada masa yang sama, pihak JPK ada berbincang dengan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) mengenai parkir kepada Ahli Majlis dimana nombor kenderaan akan dimasukkan ke dalam sistem Smart Selangor Parking untuk memudahkan semakan. Ia akan dilaksanakan pada tahun hadapan.</i></p> <p><i>Encik Ang Eu Liang memohon tambahan sekeping pelekat kereta untuk Ahli Majlis.</i></p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan buat masa ini pihak Majlis hanya memberikan sekeping pelekat kereta yang sedia ada.</i></p>	Makluman

SULIT

	5.7.4	Puan Nor Aishah membangkitkan mengenai tiga (3) buah lori yang diletakkan di sebelah balai raya komuniti Taman Damai dimana pemilik kereta tidak mengambil tindakan untuk mengalihkan kereta tersebut. JPK juga telah beberapa kali mengenakan kompaun kepada pemilik lori tersebut. <i>Pengarah JPK memaklumkan perkara ini pernah dibawa ke mahkamah pada tahun 2012. Beliau telah meminta pegawai penyiasat JPK untuk membuka semula kertas siasatan.</i>	Makluman
6.0		<u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 15 TAHUN 2019 PADA 8 OGOS 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 16 TAHUN 2019 PADA 26 OGOS 2019.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
7.0		<u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u>	
		- TIADA -	
8.0		<u>UCAPAN PENANGGUHAN</u>	
		Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Sethupathy a/l Subramaniam.	
	i.	Beliau mengucapkan salam sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YDM. Dato' Orang Besar Daerah, Ketua-ketua Whip, semua Ahli Majlis dan Pengarah-pengarah Jabatan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua di atas persetujuan untuk mengadakan Mesyuarat Bajet MDKL 2020 dan Mesyuarat MDKL Bilangan 9 ini di Sabah. Ini merupakan satu penghargaan kepada semua Ahli Majlis atas kerja-kerja yang telah dilakukan.	Makluman

	ii.	<p>Beliau mengucapkan tahniah diatas kejayaan pihak Majlis menganjurkan Pesta Morib 2019 yang telah berlangsung dari 14 September hingga 16 September 2019. Program Pesta Morib ini amat istimewa kerana diadakan serentak dengan sambutan bulan kemerdekaan dan sambutan Hari Malaysia. Ia juga berjaya menyatukan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.</p> <p>Beliau mencadangkan Pesta Morib ini dijadikan acara tahunan atau dua (2) tahun sekali memandangkan sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung.</p> <p>Selain itu, beliau mencadangkan agar penganjuran Pesta Morib pada masa akan datang akan memasukkan Kejohanan Marathon sejauh 42 kilometer atau pun Half Marathon sejauh 21 kilometer melalui kategori terbuka hingga kategori antarabangsa. Secara tidak langsung penganjuran Pesta Morib ini dapat menarik minat pelancong daripada luar negara untuk datang ke Pantai Morib dan mengenali daerah Kuala Langat serta menaik taraf sosio ekonomi setempat.</p>	Makluman
	iii.	<p>Beliau memohon pertimbangan Tuan Yang Dipertua supaya menyediakan kemudahan kolam renang, pusat boling dan kompleks sukan memandangkan tiada kemudahan tersebut di daerah Kuala Langat.</p>	Makluman
	iv.	<p>Seterusnya beliau memaklumkan mengenai kekurangan yang berlaku dalam zon beliau iaitu Zon 21 yang merangkumi Bandar Seri Ehsan, Bukit Tadom dan Labohan Dagang. Kawasan-kawasan ini terletak di sempadan daerah Sepang.</p> <p>Jika dilihat kepada pembangunan melibatkan KLIA, KLIA2 dan Kota Warisan, Bandar Seri Ehsan lebih jauh ketinggalan kerana kawasan ini terletak jauh ke dalam. Ini menjadikan Bandar Seri Ehsan sebuah bandar mati yang hanya dikelilingi kebun kelapa sawit dan haiwan liar seperti babi hutan, anjing liar dan sebagainya. Tiada pembangunan sosio ekonomi berlaku di kawasan ini walau pun kedudukan Bandar Seri Ehsan berada di hujung landasan KLIA2.</p> <p>Bandar Seri Ehsan ini menghadapi masalah kekurangan kemudahan infrastruktur seperti dewan orang ramai, gelanggang futsal dan tanah perkuburan Islam yang masih belum diwartakan. Pada masa ini, penduduk Bandar Seri Ehsan menumpang tanah perkuburan Islam di Rancangan Tanah Belia untuk urusan pengebumian.</p>	Makluman

SULIT

		<p>Begitu juga dengan tapak masjid dan tapak sekolah menengah yang telah disediakan tetapi masih belum dibina. Selain itu, penduduk memohon supaya bas Smart Selangor masuk ke kawasan ini untuk memudahkan urusan harian. Permohonan telah dikemukakan sejak tiga (3) tahun yang lalu tetapi tiada maklum balas yang diberikan.</p> <p>Beliau mendapati kawasan Bukit Tadom dan Labohan Dagang lebih maju daripada Bandar Seri Ehsan kerana mempunyai kemudahan infrastruktur seperti dewan orang ramai, pusat internet dan gelanggang futsal.</p>	
	v.	Beliau melihat Zon 21, Zon 11 dan Zon 12 berada di sempadan daerah Sepang. Perbezaan di antara kedua-dua daerah ini dapat dilihat dengan jelas dari segi kemudahan infrastruktur seperti lampu jalan. Kebanyakan lampu jalan di Daerah Sepang diselenggara dengan baik. Manakala lampu jalan di daerah Kuala Langat tidak diselenggara menyebabkan jalan menjadi gelap dan membahayakan penunggang motosikal. Kekeliruan had sempadan juga menyebabkan penduduk tidak pasti sama ada untuk menyalurkan aduan kepada MDKL atau Majlis Perbandaran Sepang.	Makluman
	vi.	Beliau sangat berbesar hati sekiranya Tuan Yang Dipertua dapat mempertimbangkan permohonan penduduk Bandar Seri Ehsan ini.	Makluman
	vii.	Akhir kata beliau memohon maaf sekiranya terdapat kekasaran bahasa. Sesungguhnya yang kurang itu daripada diri beliau dan yang baik itu datang daripada Tuhan.	Makluman
9.0	UCAPAN PENUTUP OLEH TUAN PENGERUSI		
		Tuan Pengurus mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat.	

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

SULIT

**MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 9 TAHUN 2019**

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat
Tarikh : 2/10/2019

Disemak oleh :



.....
(MOHD YASIN BIN ALWI,A.I.S.)

Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID,S.I.S.,P.P.T.)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

romawa@mesyuarat.mdk.my/ 2/10/2019

SULIT

PETUNJUK :

1. JKP	-	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP	-	JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH	-	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL	-	JABATAN PELESENAN
5. JPP	-	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK	-	JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB	-	JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL	-	JABATAN LANDSKAP
9. JPM	-	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK	-	JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP	-	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM	-	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU	-	UNIT PERUNDANGAN
14. UAD	-	UNIT AUDIT DALAM
15. OSC	-	UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO	-	UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. UPUB	-	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN
18. COB	-	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN